

KAWAN KARIB SAYA

Saya mempunyai ramai kawan tetapi saya hanya mempunyai seorang kawan karib. Nama kawan karib saya ialah Rahman. Kami belajar di dalam kelas yang sama.

Rahman tinggal berhampiran dengan rumah saya. Selepas waktu persekolahan, dia akan datang ke rumah saya. Kami menyiapkan kerja sekolah bersama-sama. Pada waktu petang, kami akan pergi ke taman permainan yang berdekatan dengan rumah. Kami bermain papan luncur.

Kami mempunyai hobi yang sama. Hobi kami ialah mengumpul setem. Kami selalu bertukar-tukar setem

Saya berharap persahabatan kami akan berkekalan.

1.MEMPUNYAI

2.BELAJAR

3.BERHAMPIRAN

4.SELEPAS

5.PERSEKOLAHAN

6.MENYIAPKAN

7.PERMAINAN

8.BERDEKATAN

9.MENGUMPUL

10.PERSAHABATAN